



Alauddin (tiga dari kiri) dan Iskandar Halim (dua dari kiri) membuat lawatan di kilang Cross Protection (M) di Jalan Meru, Klang, semalam. (Foto BERNAMA)

Dua farmasi dikompaun jual topeng muka mahal

KPDNHEP periksa 1,314 premis di seluruh negara

Oleh Omar Ahmad
cnews@nstp.com.my

Johor Bahru: Dua farmasi menjual topeng muka di sekitar Kulai dan Johor Bahru dikenakan kompaun oleh Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Johor.

Pengarahnya, Mohd Hairul Anuar Bohro dalam satu kenyataan memaklumkan dua premis terbabit melakukan kesalahan mengikut Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, iaitu menjual apa-apa barangan terkawal dengan harga yang tinggi daripada harga kawalan.

Katanya, dua farmasi itu dikompaun pada 30 Januari dan 5 Februari masing-masing dengan kadar kompaun berjumlah RM500 dan RM10,000.

"Susulan penularan novel coronavirus 2019

(2019-nCoV), permintaan terhadap topeng muka di pasaran meningkat. Sehubungan itu, KPDNHEP Johor menjalankan pemeriksaan mulai 29 Januari lalu di semua rangkaian perniagaan terbabit seperti farmasi, kedai ubat dan premis yang menjual topeng muka seluruh Johor.

"Sehingga hari ini (semalam), KPDNHEP Johor sudah menjalankan 135 pemeriksaan ke atas premis yang menjual dan membekalkan topeng. Berdasarkan pemeriksaan, dua kes dihasilkan ke atas premis di sekitar Kulai dan Johor Bahru," katanya.

Mohd Hairul Anuar berkata, peniaga dan pengguna perlu mengetahui bahawa ada lima jenis topeng muka yang ditetapkan harga maksimum runcit bagi barang harga terkawal.

Katanya, lima jenis topeng muka yang dikawal harganya secara perundangan di bawah peruntukan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Sebarang pelanggaran di bawah peruntukan akta ini bagi semua jenis topeng muka terbabit boleh dikenakan tindakan.

"Bagi individu ia boleh didenda mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga

tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

"Bagi syarikat, boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000," katanya.

Sementara itu, di Klang, operasi pemeriksaan penjualan topeng muka yang bermula sejak 25 Januari lalu menyaksikan kompaun bernilai RM21,700 dikeluarkan KPDNHEP.

Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Dr Alauddin Sidal, berkata operasi dijalankan susulan 31 aduan daripada orang ramai.

"Untuk makluman, sebanyak 1,314 premis di seluruh negara diperiksa. Daripada jumlah itu, sembilan premis dikenakan tindakan dan kami merampas topeng muka bernilai RM3,475.50.

"Malah, kami turut mengeluarkan kompaun bernilai RM21,700, yang mana sembilan kertas siasatan dibuka mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya pada sidang media selepas membuat lawatan di kilang pembuatan topeng muka Cross Protection (M) di Jalan Meru, semalam.

Yang turut hadir Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman.